



130 hasil penyelidikan dalam pameran Citrex 2012

Lebih 130 hasil penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipamerkan dalam Pertandingan Penyelidikan sempena Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi & Penyelidikan (CITREX 2012) anjuran Jabatan Penyelidikan & Inovasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) di Kompleks Sukan UMP pada 28 Mac 2012 yang lalu.

Pertandingan melibatkan penyertaan seramai 88 orang staf akademik dan 42 pelajar mewakili lapan fakulti di UMP bertujuan menampilkan hasil penyelidikan UMP untuk dipertandingkan ke peringkat yang lebih tinggi sama ada peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, program ini juga platform terbaik menilai kreativiti penyelidik dan pelajar selain menyumbang terhadap pembangunan teknologi untuk masa depan.

"Daripada jumlah projek yang dipertandingkan sebanyak 22 produk dianugerahkan pingat emas, 44 projek dianugerahkan pingat perak dan 39 projek lagi menerima pingat gangsa," katanya semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penutup CITREX 2012 dan penyampaian hadiah kepada

para pemenang.

Beliau berkata, kemampuan penyelidik menghasilkan penemuan baharu dan teknologi berteraskan pengetahuan dan penyelidikan ini akan melonjakkan nama UMP ke peringkat antarabangsa.

Majlis menyaksikan Anugerah *Best Of The Best* bagi kategori staf dimenangi Profesor Madya. Dr Abdulrahman Hamidnour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan projek bertajuk "A Technique for Emulsion Fuel". Penyelidikan turut melibatkan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Dr Azhari Hamid Nour dan Agung.

Manakala bagi *Best Of The Best Award* kategori pelajar diraih oleh Norazura Abdul Halim dan Rosyati Hamid dengan tajuk projek "Detection and Summation of Pus Cell for Sputum Quality Testing".

Manakala *Special Award (Green Technology)* sumbangan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dimenangi oleh Siti Fatimah Haji Che Osmi daripada FKASA dengan tajuk projek *Waste to Wealth: Ei-MAS Filter Media for Drinking Water Purification*. Lain-lain penyelidik yang terlibat adalah Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak, Mohammad Iqram Zulkifli dan Muamar Zul Ikhman

Nazari.

Turut menang pingat emas adalah pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Abdul Kamil Jamaludin dengan projek "Kit Interview Akinnah Hati" dan Ir. Zulkeflee Khalidin dengan projek penyelidikan Elektronik Angklung dan Husna Hashim dengan tajuk projek "My Cash Kit".

Bagi kategori pelajar pingat emas turut dimiliki Rawaida Jaafar dan Faradila Naim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dengan projek "Unclean Hand Detection Machine Using Vision Sensor"; Muhammad Iqram Zulkifli dengan projek "I-POA Filter Media for treatment Industrial Waste Water" dan Nurul Ain Zainodin dengan projek "The Suitability of Anadora Granosa As An Alternatives To Limestone For Ameliorating Surface Water Acidification".

Lebih 500 warga universiti dan pengunjung hadir menyaksikan pameran melibatkan pelajar sekolah sekitar Kuantan antaranya daripada Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kuantan, Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan dan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SMSAS).